

lokal

Kuala Lumpur: 'Ternak' tikus dalam restoran. Itu yang berlaku apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menemui banyak najis tikus di dapur premis yang diperiksa ketika Operasi Sepadu Bersih, kelmarin.

Susulan daripada itu, DBKL mengeluarkan 35 kompaun dan mengarahkan tiga premis makanan di ibu negara ditutup selepas mendapati tahap ke-

bersihan premis tidak memuaskan.

Dalam kenyataannya, DBKL memaklumkan sebanyak 30 premis diperiksa dan pihaknya mendapati ada premis dalam keadaan kotor serta berbau busuk.

"Pemeriksaan menda-

pati pengendalian premis membuang sisa makanan secara tidak teratur malah terdapat najis tikus di kawasan dapur.

"Hasil pemeriksaan turut menda-

pati ada pekerja di premis itu tidak mengambil suntikan tifoid seperti yang diwajibkan.

"Tindakan diambil mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan

DBKL KELUARKAN 35 KOMPAUN

Jumpa najis tikus di dapur!

Ada pekerja di premis diperiksa tidak ambil suntikan tifoid seperti diwajibkan

UUK 28(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016.

"Sebanyak 35 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016 dan Un-

dang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979," katanya.

DBKL berkata, operasi itu dilaksanakan 23 anggota dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL di Jalan Hujan Rahmat, Jalan Radin Bagus, Jalan Radin Tengah, GLo Damansara, Jalan Lang Kuning, Viva Mall Damansara, Jalan Development dan Jalan Metro Perdana, di sini.